



Jabatan Perikanan Pahang sasar lepaskan 1.5 juta benih ikan air tawar tahun depan

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Disember 30, 2022 @ 9:21am
bhnews@bh.com.my



Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar (dua kanan) melepaskan benih ikan di Tasik Bera. - Foto Mohd Rafi Mamat.

BERA: Jabatan Perikanan Pahang melepaskan 1.035 juta benih lebih lapan spesies ikan air tawar bermutu tinggi termasuk udang di perairan umum negeri itu, sekali gus melepasi sasaran satu juta tahun ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata antara spesies ikan air tawar yang dilepaskan ke beberapa sungai utama dan tasik ialah temelian, kelah, lampam sungai, siakap, sebarau, baung, tengalan dan kerai lampam.

Katanya, program pelepasan dilakukan secara berperingkat sepanjang tahun dengan pembabitkan pelbagai pihak termasuk pemimpin masyarakat, penduduk kampung dan nelayan darat.

Beliau berkata, jabatan yakin dengan adanya program pelepasan benih ikan dapat meningkatkan stok ikan air tawar selain berupaya menambah pendapatan nelayan darat serta menggalakkan lagi aktiviti memancing yang menjadi produk pelancongan.

"Tahun depan kita menyasarkan 1.5 juta benih ikan air tawar dan udang galah dilepaskan ke perairan umum di negeri ini, usaha berkenaan tidak mustahil dapat dilakukan dengan sokongan kerajaan negeri dan agensi lain.

"Kita mendapat bekalan benih ikan daripada Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok (PPAP), Jerantut dan Pusat Pengembangan Akuakultur Bukit Tinggi (PPABT), Bentong termasuk pengeluar swasta," katanya selepas program pelepasan 35,000 benih spesies baung, lampam sungai dan terbol di Tasik Bera, di sini semalam.

Abdullah berkata, rekod pihaknya mendapati terdapat kira-kira 94 spesies ikan air tawar di Tasik Bera yang merupakan tasik air tawar semulajadi terbesar di negara ini dengan keluasan lebih 32,255 hektar. Kawasan berkenaan menjadi penempatan Orang Asli suku kaum Semelai.

Bagi tujuan pemuliharaan dan perlindungan sumber perikanan, beliau berkata, perairan Tasik Bera dan Tasik Chini, Pekan merupakan kawasan dilindungi di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Kawasan Larangan) 1999, kebenaran perlu diperoleh dan hanyalah untuk aktiviti memancing dan menjala.

"Jabatan berharap nelayan darat dan masyarakat setempat dapat memanfaatkan kekayaan sumber perikanan secara bertanggungjawab, tidak menggunakan peralatan yang destruktif atau merosakkan sumber perikanan seperti racun tuba, bahan letupan dan elektrik yang turut menyebabkan pencemaran serta kerosakan alam sekitar.

"Penggunaan peralatan racun bahan letupan dan elektrik adalah kesalahan mengikut Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991, sabit kesalahan boleh dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah," katanya.